



6 peserta EPWK66 jayakan ekspedisi London-KL sempena kemerdekaan

Oleh Suzalina Halid - Jun 13, 2023 @ 8:13pm
suzalina@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, hari ini, menyerahkan Jalur Gemilang kepada Ketua Ekspedisi Perpaduan Watikah Kemerdekaan 66 London-Kuala Lumpur 2023 (EPWK66-2023), Arep Kulal.

Ekspedisi motosikal berkuasa tinggi itu bagi menyempurnakan misi London ke Kuala Lumpur bermula pada 20 Jun ini sempena Hari Kemerdekaan tahun ini.

Turut sama pada majlis itu ialah lima lagi peserta EPWK66 iaitu jurugambar The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Effendy Rashid, Ahmad Fadali Burhanudin, Yusyafizal Mohd Yusop, Rosmadi Saad dan Mohd Farid Mohd Yusof.

Ekspedisi mengambil masa 66 hari itu merentasi 66 bandar di 16 negara dilaksana bagi mengimbas kenangan pada 1957 apabila Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj membawa watikah pengisytiharan kemerdekaan Malaya dari London.

Peserta EPWK66-2023 yang akan menempuh perjalanan hampir 22,000 kilometer itu dijangka tiba di ibu negara pada 31 Ogos depan, seterusnya menyertai perarakan Hari Kemerdekaan ke-66 tahun ini.

Ini adalah ekspedisi pertama membabitkan perjalanan dari kota London ke Kuala Lumpur dengan semua enam peserta turut dijadual singgah di 16 pejabat Kedutaan Malaysia dan enam pejabat Tourism Malaysia.

Peserta turut membawa 5,000 rantai kunci untuk diedarkan kepada penduduk tempatan di negara yang disinggahi nanti.